CIRI-CIRI SEDIMEN DI PERSEKITARAN AKUAKULTUR PANTAI NENASI, PEKAN, PAHANG.

ASNIDA BINTI MOHD BAKRI

Fakulti Sains dan Teknologi,
Universiti Putra Malaysia
Terengganu
2001 / 2002

ABSTRAK

Kajian ke atas ciri-ciri sedimen ini dijalankan di pantai Nenasi, Pekan Pahang bermula pada bulan Julai Hingga Disember 2001. Penyampelan dilakukan dengan mengambil sedimen di bahagian paras air pasang tertinggi (UMT), air pasang pertengahan (MMT) dan paras air pasang terendah (LMT). Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri sedimen di kawasan berkenaan di samping mengenalpasti sejauh manakah perhubungan di antara parameter fizikal seperti angin, ombak, arus dan pengaruh musim ke atas sedimen. Daripada analisis yang dilakukan, stesen kajian mempunyai penyisihan yang sempurna di awal kajian namun ianya mengarah kepada penyisihan jenis hampir sempurna di akhir kajian. Ini mungkin disebabkan oleh pengaruh Monsun Timur Laut. Di stesen kawalan pula, penyisihan jenis hampir sempurna adalah dominan di sepanjang tempoh kajian. Ini menunjukkan bahawa terdapat persamaan jenis penyisihan di kedua-dua stesen apabila berada di bawah pengaruh monsun di mana musim Monsun Timur Laut lebih mempengaruhi perubahan taburan sedimen di stesen kajian berbanding stesen kawalan.

ABSTARCT

A study on the characteristics of sediment was conducted around the Nenasi Coastline from July to December 2001. This study aims to determine the characteristics of sediment and their relationship with physical parameter such as wind, wave reaction, and currents. The influence of monsoon season (North East Monsoon) was studied as well. For every station, sediment was sampled on Upper mid tide (UMT), Middle mid tide (MMT) and Lower mid tide (LMT). During the earlier research done, the sorting coefficient of sediment in the research station is well sorted, but at the end it changed to moderately well sorted. This is due to the influence of the North East Monsoon. Sorting coefficient is more fluent to moderately well sorted which is dominant at the control station throughtout this research. This study shows that there are some similaries in sorting coefficient between both stations cause by the influence of the monsoon where it can be concluded that monsoon season plays an important part in the changes of sediment characteristics in the area.